

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

### Teliti semula sistem percukaian sedia ada

## Teliti semula sistem percukaian sedia ada

**Kuala Lumpur:** Malaysia perlu meneliti semula semua sistem percukaian sedia ada bagi membolehkan pelaksanaan sistem yang lebih menyeluruh serta saksama.

Bekas Gabenor Bank Negara (BNM), Tan Sri Muhammad Ibrahim, berkata sistem percukaian yang saksama itu juga perlu membabitkan cukai nilai tambah yang tidak harus dipolitikkan bagi pertumbuhan ekonomi lebih baik.

Katanya, ini penting bagi memastikan Malaysia mempunyai pilihan hasil serta dapat mengelak daripada terjerumus dalam perangkap hutang bagi jangka panjang, walaupun paras hutang sedia ada masih rendah, kira-kira 50 - 60 peratus berbanding Jepun serta negara lain yang mempunyai paras hutang lebih 100 peratus.

Implikasi perangkap hutang itu, beliau berkata, tidak hanya merencangkan pertumbuhan

ekonomi tetapi juga pasaran kewangan seperti bon dan ekuiti yang boleh menyebabkan pelabur kurang yakin dengan negara ini.

"Setakat ini, kira-kira 30 peratus daripada ekonomi tidak membayar cukai kerana ciri sistem cukai itu ini termasuk pesara seperti saya atau lain-lainnya yang masih mampu berbelanja dan sepertinya menyumbang bahagian masing-masing kerana masih menikmati kemudahan seperti jalan raya, lapangan terbang serta sekolah," katanya pada Persidangan Dewan Usahawan Malaysia-China (MCEC) Ke-12, di sini semalam.

Muhammad berkata, tindakan meminjam secara berlebihan boleh mengundang negatif atau

pertumbuhan lebih rendah dan menekankan kepentingan peranan sebagai jaguh dalam pelbagai sektor ekonomi.

**Syarikat jenama global**

"Kita perlukan lebih banyak jaguh (syarikat) seperti PETRONAS dan Top Glove Corp untuk menjadi jenama global yang tidak hanya dapat mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi tetapi dapat melonjakkan lagi kepentingan negara," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, pelan yang jelas diperlukan bagi membolehkan entiti menjadi juara kebangsaan.

Muhammad berkata, BNM misalnya, berjaya dari segi menjadikan institusi perbankan berteraskan domestik sebagai



Malaysia memerlukan lebih banyak syarikat seperti PETRONAS untuk menjadi jenama global bagi melonjakkan lagi kepentingan negara.

kuasa di peringkat serantau.

Usaha itu termasuk transformasi sektor perbankan sebagai industri kompetitif serta berat dalam proses panjang untuk memupuk institusi ini sebagai entiti dan bersaing melangkaui sempadan negara.

Sementara itu, MCEC Ke-12

menggabungkan interaksi dalam talian dan fizikal serta padanan perniagaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di antara Malaysia dan China, selain perbincangan lanjut mengenai Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP). **BERNAMA**